

# Konsep permuafakatan BN perlu dipelihara

## PM minta semua anggota parti jalin kerjasama kukuh

Oleh Hardi Effendi Yaacob

**S**ANTUBONG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mengeratkan kerjasama selain meneruskan konsep permuafakatan yang sedia ada,

Perdana Menteri berkata, dua perkara itu penting dalam mengukuhkan kedudukan BN; seterusnya membantu mewujudkan sebuah kerajaan yang diyakini setiap lapisan rakyat di negara ini.

"BN dianggotai parti komponen yang mewakili kepentingan rakyat berbilang bangsa, kepercayaan agama dan adat tradisi, sama ada di Semenanjung mahupun Sabah dan Sarawak.

"Inilah keunikan kita (BN) yang tiada pada pembangkang, yang menyebabkan kita sentiasa menjadi pilihan utama rakyat. Justeru, saya mengingatkan semua parti komponen memelihara perpaduan ini," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Demokratik Sa-

rawak (SPDP) 2006, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam dan Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi negeri, Datuk William Mawan Ikom merangkap Presiden SPDP.

Abdullah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, untuk lawatan setengah hari ke negeri ini, kira-kira jam 9.50 pagi, menggunakan pesawat khas dari Kuala Lumpur.

Selain merasmikan perhimpunan itu, beliau turut melawat Kampung Budaya Sarawak (SCV) yang dibangunkan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur kira-kira jam 3 petang.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, mana-mana parti komponen, termasuk Umno sekalipun tidak akan mempunyai kekuatan sendiri tanpa sokongan dari parti komponen lain.

"Umno tidak akan dapat kekuatan seperti diperolehi dalam BN," sebab itulah saya mahu BN wujud sampai bila-bila, dengan sokongan padu dari

rakan komponen lain.

"Ini seterusnya boleh membantu mewujudkan sebuah kerajaan yang kukuh. sekali gus mewujudkan kestabilan politik di negara ini, seterusnya boleh membawa lebih banyak kemajuan kepada negara dan rakyat," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata memimpin sebuah kerajaan yang mewakili kepentingan semua kaum di negara ini bukan satu kerja mudah, malah pelbagai perkara perlu diam-

bilkira.

"Lebih 30 tahun saya dalam kerajaan, termasuk dua tahun setengah jadi PM. Dalam BN, saya mula dari bawah hinggalah sekarang menjadi pengerusinya. Yang pasti, ini bukan kerja mudah.

"Bila tiba pilihan raya, saya kena bahagikan kerusi pada semua parti (komponen). Bila menang pilihan raya, saya kena; bagi jawatan pula... bukan senang," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, walau sesukar mana pun tugas itu, ia dapat dilaksanakan dengan, baik alas semangat perpaduan yang wujud di kalangan parti komponen BN.

"Inilah semangat yang berjaya kita kekalkan dari zaman Tunku (Abdul Rahman Putra al-Haj), Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir (Mohamad) hinggalah zaman saya sendiri.

"Ia berjaya mengukuhkan kedudukan kita (BN) dan kerajaan yang dibentuk, seterusnya membawa kepada kestabilan politik, kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.

